

Bajet 2017 bantu gerakkan pertumbuhan ekonomi

UM 27/10

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Pembentangan Bajet 2017 diyakini dapat membantu menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan memberi impak positif kepada komuniti perniagaan.

Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Mohd. Razali Hussain berkata, ia secara tidak langsung menunjukkan usaha-usaha kerajaan membuahkan hasil yang baik terutama dalam memacu produktiviti negara.

"Selain yang dibentangkan dalam bajet ini, kita juga perlu

memastikan segala operasi dan prosedur dapat berjalan dengan lancar dan menjadi model perniagaan pada masa depan.

"Ia juga merupakan sebahagian daripada tugas kami (MPC) untuk melaksanakan agenda ini bersama dengan agensi-agensi lain termasuk sektor swasta," katanya dalam sidang akhbar Laporan Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat lalu membentangkan Bajet 2017 yang menekankan perbelanjaan inklusif berhemah ke arah mensejahterakan kehidupan seluruh rakyat

ketika mendepani cabaran ekonomi yang diuji ketidaktentuan di peringkat global.

Berpaksikan tema *Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruh*, Najib yang juga Menteri Kewangan mengusulkan beberapa langkah dan strategi utama untuk menangani cabaran-cabaran itu.

Bajet 2017 mencadangkan sejumlah peruntukan RM260.8 bilion iaitu RM214.8 bilion untuk belanja mengurus dan RM46 bilion untuk belanja pembangunan.

Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2017 setebal 65 muka surat berkata, jumlah itu tidak termasuk simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.



MOHD RAZALI HUSSAIN